



11 HARI 09 MALAM

UMRAH EKONOMI SELESA

HOTEL MEKAH : ANJUM HOTEL 5* @ SETARAF (JARAK 50M) *5 Malam
HOTEL MADINAH : ODS HOTEL 4* @ SETARAF (JARAK 150M) *4 Malam

Tarikh Perlepasan :

25 AUG | 27 AUG | 01 SEP | 03 SEP | 15 SEP | 17 SEP | 29 SEP | 01 OCT | 13 OCT | 20 OCT | 22 OCT |
03 NOV | 05 NOV | 12 NOV | 24 NOV | 26 NOV | 01 DEC | 03 DEC | 08 DEC | 10 DEC | 15 DEC | 17 DEC |

AirArabia
الريّة للطيران

HARI 01 KUALA LUMPUR – SHJ - JEDDAH - MADINAH

Berkumpul di KLIA1 (4JAM) sebelum perlepasan ke SHJ dan terus ke Jeddah, Selesai urusan Imigresen bertolak ke Hotel Madinah, daftar masuk dan rehat.

HARI 02 MADINAH (Ziarah Luar)

Solat Subuh, jemaah akan di bawa Ziarah Masjid Quba, Jabal, Pasar Kurma dan Jabal Uhud. Jemaah hanya dibawa melintasi Masjid Qiblatandan Masjid Perang Khandaq. Pulang ke Hotel dan jadual bebas.

HARI 03 MADINAH (Ziarah Dalam)

Solat Subuh. Jemaah dibawa oleh Mutawwif menziarahi sekitar Masjid Nabawi.

HARI 04 MADINAH

Jadual bebas, jemaah di nasihatkan untuk berikhtikaf di Masjid Nabawi dan memperbanyakkan ibadah.

HARI 05 MADINAH – MEKAH

Solat subuh. Sebelum keluar untuk Solat Zohor jemaah dinasihatkan untuk meletakkan Beg di luar pintu Hotel. Ziarah Wida' dan Solat Jamak takdim Zohor Asar di Masjid, bertolak ke Makkah dan Miqat Bir Ali. Setibanya di Makkah, daftar masuk ke Hotel serta berehat sebelum menunaikan ibadah Umrah.

HARI 06 MEKAH

Jadual bebas, jemaah di nasihatkan untuk berikhtikaf di Masjid dan memperbanyakkan ibadah.

HARI 07 MEKAH

Solat Subuh, berkumpul di Lobi untuk Ziarah Mekah yang merangkumi Ziarah Jabal Tsur, Arafah, Mina dan juga berMiqat di Masjid Ja'ranah serta merentasi Jabal Nur sebelum pulang ke Hotel dan mengerjakan Umrah bagi yang telah berMiqat Umrah.

HARI 08 MEKAH

Jadual bebas, jemaah di nasihatkan untuk berikhtikaf di Masjid dan memperbanyakkan ibadah.

HARI 09 MEKAH

Solat Subuh, berkumpul di Lobi untuk Ziarah Mekah yang merangkumi Ziarah tempat perjanjian Hudaibiyah dan juga Masjid Hudaibiyah untuk BerMiqat Umrah serta pulang ke Hotel dan mengerjakan Umrah bagi yang telah BerMiqat Umrah.

HARI 10 MEKAH – JEDDAH – SHJ - KUALA LUMPUR

Solat Subuh. Sebelum keluar jemaah dinasihatkan untuk meletakkan Beg diluar pintu Hotel. Mutawwif akan membawa jemaah untuk menunaikan Tawaf Wida' di Masjidil Haram seterusnya pulang ke Hotel serta bertolak ke Jeddah serta proses daftar masuk Pesawat dan berlepas pulang ke Tanah Air.

HARI 11 KUALA LUMPUR

Jemaah dijangka tiba di Tanah Air serta kami mendoakan agar Ibadat Umrah anda adalah Umrah yang mabrur.

Nota:

*Aturcara diatas boleh berubah mengikut kesesuaian masa & keadaan dari masa kesemasa dari pihak kami tanpa sebarang syarat bagi melancarkan program yang dijalankan.

*Pada setiap Jumaat jemaah dinasihatkan untuk ke Masjidil Haram selewat lewatanya 10 Pagi untuk mengelakkan kesesakan di dalam Masjid.

HARGA PAKEJ SEORANG DALAM RINGGIT MALAYSIA (RM)

Tarikh Pelepasan :	BILIK 4	BILIK 3	BILIK 2
Musim Biasa	6,390	6,890	7,390
Musim Puncak	6,890	7,390	7,890
<i>Kanak-Kanak Tanpa Katil : RM5,390 seorang</i> <i>Bayi (Bawah 2 Tahun) : RM2,300 seorang</i>			

PAKEJ TERMASUK

- ✓ Tiket Penerbangan Pergi & Balik (AirArabia @ setaraf)
- ✓ Penginapan 9 malam (4 malam Madinah + 5 malam Mekah)
- ✓ Pengurusan Visa Pelancong Dan Medic Classic
- ✓ Kursus Tahsin Umrah
- ✓ Caj Tambahan Visa Umrah baharu Kerajaan Saudi
- ✓ Penginapan, Makan, Minum (FB) di Hotel Madinah & Mekah
- ✓ Makanan didalam Pesawat
- ✓ Ziarah Berinformasi di Tanah Suci
- ✓ Mutawwifah ziarah Raudhah (Jemaah Muslimah)
- ✓ Umrah 3 kali bersama Mutawwif
- ✓ Porterage Hotel
- ✓ Air Zam Zam 5 Liter
- ✓ 'Sling Bag', Sarung bagasi & Buku panduan umrah

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- ✗ Wang perbelanjaan
- ✗ Khidmat trolis di *Airport*
- ✗ Perkhidmatan menolak kerusi roda
- ✗ Tambahan Caj Visa bagi jemaah bukan Warganegara Malaysia
- ✗ Sebarang caj tambahan dokumen visa umrah
- ✗ Lebihan bagasi
- ✗ *Laundry*
- ✗ *Mini Bar*
- ✗ Ziarah Tambahan
- ✗ Lain-Lain Yang Tidak Dinyatakan
- ✗ **SURCAJ TERKINI DARI PIHAK BERKUASA ARAB SAUDI (jika ada)**

** Nota

*Jemaah Umrah Dialisis & Warga Emas, tambahan Insurans Visa Umrah (RM 220).

TERMA & SYARAT

Prosedur Tempahan & Terma Bayaran:

- Mengisi borang tempahan beserta tandatangan dan menyerahkan kembali ke pejabat atau e-mel kepada umrah@shahmietravel.com.my
- Bayaran deposit pertama **RM500.00** seorang diperlukan semasa membuat tempahan.
- Bayaran deposit kedua **RM1000.00** seorang hendaklah dijelaskan **90 hari** sebelum tarikh penerbangan.
- Baki ATAU bayaran penuh hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya **45 hari** sebelum tarikh penerbangan. Sekiranya kami tidak menerima bayaran penuh dalam tempoh 45 hari sebelum tarikh penerbangan, Shahmie Travel & Tours berhak membatalkan tempahan dan semua bayaran deposit tidak akan dikembalikan.
- Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai / Deposit Tunai / 'Online Transfer' ke akaun bank berikut:

Nama Akaun	: SHAHMIE TRAVEL & TOURS SDN BHD
Nama Bank	: MAYBANK (TTDI BRANCH)
Nombor Akaun	: 5642 7651 2763
- Sila lampirkan atau e-mel slip bayaran setelah pembayaran dibuat.
- Bayaran secara kad kredit diterima dengan caj 2% akan dikenakan daripada jumlah bayaran yang dibuat.

Terma Perubahan & Pembatalan:

- Shahmie Travel & Tours mesti dimaklumkan secara bertulis tentang sebarang perubahan dan pembatalan. Notis perubahan dan pembatalan akan dianggap telah diterima selepas pengesahan dari Shahmie Travel & Tours.
- Sebarang perubahan kali pertama dibenarkan tanpa sebarang caj dan Shahmie Travel & Tours mesti dimaklumkan selewat-lewatnya **90 hari** dari tarikh pelepasan asal. Shahmie Travel juga hendaklah dimaklumkan tentang perubahan baru tersebut dalam tempoh **07 hari** selepas natis perubahan dibuat.
- Sekiranya berlaku perubahan kali kedua, tempahan akan dianggap terbatal dan deposit tidak akan dikembalikan serta hangus.
- Sekiranya tempahan yang disahkan dibatalkan sepenuhnya / sebahagiannya oleh peserta, caj pembatalan akan dikenakan seperti berikut:

91 hari & keatas sebelum tarikh pelepasan	: Pengembalian deposit dan tertakluk kepada caj pentadbiran RM200/pax
61 – 90 hari sebelum tarikh pelepasan	: Deposit pertama tidak dikembalikan dan hangus
31 – 60 hari sebelum tarikh pelepasan	: Semua deposit tidak dikembalikan dan hangus
30 hari sebelum tarikh pelepasan	: Caj 100% dari harga pakej
- Sekiranya peserta "No Show", tiada bayaran balik sepenuhnya atau sebahagiannya akan diberikan untuk perkhidmatan dalam program yang tidak digunakan.